

# UMS-KAL tuan rumah Mesyuarat Pagi UMS

UR 28/08/2011 B4

LABUAN: Seramai 45 pegawai utama dan pegawai kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menghadiri Mesyuarat Pagi UMS kali ke-146 Bil 6/2011 di Bilik Seminar, UMS-KAL kelmarin.

Mesyuarat yang bermula pukul 11 pagi itu dipengerusikan oleh Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon.

Turut hadir Pendaftar UMS Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj.

Mereka membincangkan pelbagai isu termasuk yang berkaitan akademik, penyelidikan, hal ehwal pelajar, sumber manusia, kewangan, perpustakaan, penerbitan, pembangunan, teknologi maklumat dan keselamatan.

Dr Kamaruzaman sempat meninjau pembangunan projek pembinaan dewan kuliah pusat, kemudahan penginapan pelajar, kemudahan ICT, bilik pensyarah, melawat Pejabat Pengarah di Tingkat 13 dan Pejabat Bahagian Pentadbiran.



PENERANGAN...Dr Kamaruzaman diberi taklimat mengenai projek pembinaan dewan kuliah pusat oleh Dr Shariff (kiri) dari Tingkat 13, Bangunan Menara UMS Labuan.



UNTUK ALBUM...Dr Kamaruzaman (enam dari kiri), Abdullah (lima kiri) dan Dr Shariff (lima kanan) bersama Ahli Mesyuarat Pagi UMS bergambar kenangan di UMS Labuan.